

Sambutlah Hari Raya Aidilfitri Secara Sederhana



Oleh: Anis Izzaida Zubir

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 6 Jun 2021

Hari Raya Aidilfitri adalah sambutan yang diraikan oleh umat Islam di seluruh pelosok dunia setiap 1 Syawal tahun Hijrah. Ia merupakan salah satu perayaan yang utama dalam Islam selain Hari Raya Aidiladha.



Gambar hiasan.

Berdasarkan syariat Islam dan sunnah nabawiyyah, Islam sangat menggalakkan setiap umatnya menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan penuh kerianan, kegembiraan dan kesyukuran.

Sambutan itu adalah simbolik kemenangan secara rohaniah bagi umat Islam setelah melaksanakan ibadah berpuasa selama sebulan sepanjang Ramadan.

Maka, kedatangan bulan Syawal adalah sebagai ganjaran kemenangan daripada Allah SWT kepada seluruh hamba-Nya.

Kemenangan ini juga disambut meriah dengan laungan takbir memuji kebesaran-Nya sebagai tanda kesyukuran kita kepada Allah SWT. Oleh itu, sambutan perayaan Aidilfitri dalam suasana kegembiraan adalah dituntut dan merupakan sebahagian daripada syiar Islam.

Namun, kita perlulah bersederhana dalam segala aspek ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri. Islam juga mensyariatkan supaya kita tidak bermewah-mewah dengan membeli pakaian dan juadah hari raya secara berlebihan sehingga berlaku pembaziran sehingga melebihi kemampuan.

Tidak salah jika kita ingin memperuntukkan wang yang banyak sebagai persiapan untuk menyambut kedatangan Aidilfitri.

Sememangnya fitrah manusia suka dengan kecantikan dan berhias. Bahkan hari raya disambut sekali sahaja dalam setahun. Sungguhpun demikian, tidak perlulah terlalu mengikut hawa nafsu. Belilah secara ala kadar dan berpatutan sahaja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri pernah menyarankan agar umat Islam tidak berlebihan dalam meraikan Aidilfitri dan konsep menyambut Syawal sepatutnya bergantung kepada kemampuan diri masing-masing secara sederhana.

Allah SWT berfirman tentang kesederhanaan ketika berbelanja seperti dalam surah al-Furqan ayat 67 yang bermaksud, “Dan orang-orang yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan, dan tidak pula kedekut, dan adalah pembelanjaan itu ditengah-tengah antara yang demikian (tidak boros dan tidak kedekut).”

Konsep kesederhanaan tidak hanya meliputi aspek material sahaja bahkan melibatkan spiritual juga. Dalam kita berseronok berkumpul bersama-sama ahli keluarga, mungkin ada golongan yang menyambut hari mulia ini dalam suasana hiba dan bersedih tanpa sanak saudara. Misalnya golongan perantau yang tidak dapat menyambut Aidilfitri dengan ahli keluarga.

Seperti diketahui umum, tahun ini kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan larangan merentas negeri atau balik kampung pada Hari Raya Aidilfitri susulan peningkatan kes jangkitan COVID-19 di seluruh negara. Ramai terpaksa akur dengan arahan tersebut demi menjaga kemaslahatan dan kesihatan pelbagai pihak.

Oleh yang demikian, bagi mereka yang tinggal bersama ibu bapa dan berkesempatan meraikan perayaan ini bersama ahli keluarga, maka sewajarnya mereka bersyukur kerana tidak semua orang yang dapat merasai nikmat tersebut tahun ini.

Sambutlah Hari Raya Aidilfitri secara sederhana lebih-lebih lagi dalam situasi negara masih belum bebas daripada ancaman pandemik COVID-19.